JABATAN PENDAFTAR
Department of Registrar
إدارة المسجل العام

# IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN PENGAWAL KESELAMATAN

| | | |
|---|---|---|
| **Jawatan** | : | Pengawal Keselamatan |
| **Badan Berkanun** | : | Universiti Sains Islam Malaysia |
| **Kumpulan Perkhidmatan** | : | Pelaksana |
| **Klasifikasi Perkhidmatan** | : | Keselamatan |
| **Jadual Gaji** | : | see below |

**Jadual Gaji** :

| Gred | Gaji Minimum | Gaji Maksimum | Kenaikan Gaji Tahunan |
|---|---|---|---|
| KP11 | RM 1,205.00 | RM 2,939.00 | RM 80.00 |

**Syarat Lantikan** :

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

   (a) warganegara Malaysia;

   (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

   (c)
   (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga / Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

   (Gaji permulaan pada Gred KP11 : RM 1,205.00) atau

   (ii) Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat konstabel Polis Sokongan atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik. (Gaji permulaan pada Gred KP11 : RM 1,205.00)

   (d) Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut;

   a. Tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;

   b. Berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;

   c. Mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79sm dan semasa menarik nafas 84sm (lelaki sahaja);

   d. Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata; dan

   e. Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat.

| | | |
|---|---|---|
| | | f. Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar. |
| **Syarat Kelayakan Bahasa Melayu** | : | Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu pada Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. |
| **Taraf Jawatan** | : | Kontrak |
| **Penaklukan Di Bawah Syarat-Syarat Skim Perkhidmatan** | : | Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Pengawal Keselamatan adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa. |
| **Fungsi Bidang Tugas** | : | Bertanggungjawab melaksanakan tugas kawalan keselamatan aset kerajaan melibatkan keselamatan fizikal, dokumen dan personel di bangunan dan premis kerajaan termasuk kawasan-kawasan yang diisytiharkan sebagai Kawasan Larangan dan Tempat Larangan di bawah Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 (Akta 298) dan menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa. |
| **Tarikh Tutup Permohonan** | : | **16 Februari 2023** |